



SUARA INTEGRITI FELDA

SIRI 1 TAHUN 2022

SEMPURNAKAN KEBAIKAN

Beramallah Dengan Apa Yang Allah SWT Suka

Mungkin pernah suatu ketika dulu, kita mengalami fasa dalam kehidupan di mana kita melupakan Allah SWT. Kita tidak merasakan Allah SWT itu Maha Besar dan Maha Mengetahui. Lalu kita melakukan kemungkaran, lalai dan leka dengan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib.

Sedar atau tidak, Allah SWT telah meletakkan hidayah ke dalam jiwa kita. Kita berubah 180 darjah. Lalu kita berazam memperkemaskan solat kita, memperbanyakkan sedekah dan berazam untuk melaksanakan tugas dengan amanah. Begitulah kebanyakan amalan bagi mereka yang berazam ingin menjadi manusia yang lebih baik.

Begitulah juga dalam konteks apabila kita beribadah kepada Allah SWT. Sewaktu kita beribadah kepada Allah SWT, kita bukan beramal dengan apa yang kita suka. Sebaliknya kita beramal dengan apa yang Allah SWT suka.

Berdamailah Dengan Takdir Allah SWT

Jika benar kita mahu mendapat keredhaan Allah SWT, perkara pertama yang perlu kita lakukan adalah kita perlu menerima ketentuan yang Allah SWT berikan ke atas diri kita, sama ada takdir yang baik atau takdir yang buruk. Sedarkan kepada diri, bahawa kita hanya hambaNya yang lemah. Terima takdir tersebut sebagai ketetapan dalam hidup dan berdamailah dengan takdir Allah SWT berikan kepada kita. Saat kita dibebankan dengan takdir yang buruk, hampiri dan berdoa kepada Allah SWT. Luahkan perasaan kepada Allah SWT. Kita boleh mencari di mana hikmah yang Allah SWT berikan kepada kita. Selagi kita tidak berdamai dengan takdir, syaitan akan terus menyelinap masuk sehingga kita tunduk kepadanya.

Buat Hanya Kerana Allah SWT

Dalam hidup ini, sekiranya kita melaksanakan tugas diamanahkan kerana Allah SWT, akan datang ketenangan meskipun ujian mendatang dalam apa jua keadaan. Sama-sama kita tekadkan dalam diri supaya kita memperoleh ketenangan dalam menghadapi kehidupan ini.